

26 JUL 1996  
MIC-Pemuda  
SUBRAMANIAM AKAN KEKAL KETUA PEMUDA MIC

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu dijangka mengekalkan S.Subramaniam sebagai Ketua Pemuda parti itu pada persidangan perwakilan pergerakan itu esok.

Subramaniam, 40, dilantik ke jawatan itu pada persidangan Pemuda MIC di Ipoh tahun lepas untuk tempoh "percubaan" selama setahun. Beliau mengambil alih jawatan daripada Exco Selangor S.S.Rajagopal.

Samy Vellu telah berkata ketika itu bahawa khidmat Subramaniam akan disambung "jika beliau dapat membuktikan beliau seorang pemimpin yang disanjung dan berkebolehan."

Menurut sumber parti, walaupun Presiden MIC itu "tidak berpuashati" dengan pencapaian Subramaniam, beliau tiada pilihan selain menyambung khidmatnya untuk membolehkan beliau menyempurnakan "tugasnya yang belum selesai sebagai ketua pergerakan."

"Subramaniam mungkin tidak mendapat sokongan kebanyakan anggota majlis pergerakan itu tetapi beliau mendapat mandat presiden," katanya.

Mengikut perlembagaan MIC, presiden parti akan melantik para pemimpin Pemuda dan Wanita dan tidak perlu meminta kelulusan Jawatankuasa Kerja Pusat, badan pembuat keputusan tertinggi parti.

Sumber itu juga berkata undang-undang kecil pergerakan Pemuda MIC akan dipinda untuk membuka jalan ke arah pengwujudan jawatan naib ketua.

Buat masa ini, jawatan tertinggi pergerakan itu terdiri daripada ketua pemuda, dua timbalan ketua, setiausaha, penolong setiausaha, bendahari dan penolong bendahari selain anggota-anggota majlis.

Mengikut cadangan perubahan itu, pergerakan berkenaan akan mempunyai hanya satu timbalan ketua pemuda dan seorang naib ketua, menurut sumber itu. Jawatan-jawatan lain akan dikekalkan.

MIC juga sedang menimbang meminda perlembagaan parti untuk membolehkan Ketua Pemuda dipilih oleh para perwakilan pada persidangan perwakilan Pemuda.

"Ini mungkin boleh dilakukan selepas pemilihan parti tahun depan," kata sumber itu. Perubahan akan mencontohi Pemuda Umno.

Sementara itu Timbalan Ketua Pemuda MIC C.Selvaraja berkata sejumlah 580 perwakilan dijangka menghadiri persidangan sehari perwakilan Pemuda di ibupejabat MIC.

Ia akan dirasmikan serentak dengan persidangan Wanita MIC oleh Samy Vellu.

Beliau berkata resolusi Pemuda akan termasuk menggesa kerajaan menyediakan lebih banyak peluang pendidikan kepada para pelajar India dan memastikan pekerja asing perlu memberitahu pihak berkuasa berkaitan jika mereka berhasrat mengahwini rakyat tempatan.

"Kita telah dengar kes-kes di mana para pekerja ini berkahwin dengan rakyat tempatan hanya untuk mendapat status pemastautin tetap. Walaupun mungkin dianggap kes berkecuali, ia harus dikawal," katanya.

Perhimpunan agung MIC akan diadakan pada 3 dan 4 Ogos. Ia akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Parti itu juga akan merayakan ulangtahun ke-50nya pada 3 Ogos di Pusat Dagangan Dunia Putra. -- BERNAMA

ES RON